

Larangan hisap vape di tempat awam

KOSMO
31/12/2015
m15 8

KEMENTERIAN Kesihatan bakal menguatkuasakan larangan menghisap rokok elektronik atau vape di 21 kawasan yang diwartakan sebagai kawasan larangan merokok mulai tahun depan.

Antara kawasan larangan itu termasuk hospital, klinik, premis kerajaan dan stesen minyak.

Larangan itu berikutan penambahbaikan oleh Kementerian Kesihatan ke atas Akta Makanan 1983 di bawah Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 bagi menangani gejala vape dalam kalangan masyarakat negara ini.



Penambahbaikan ke atas akta itu menyaksikan wap yang dihasilkan oleh vape dimasukkan di bawah peraturan berkenaan berbanding cuma asap sebelum ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya (**gambar**) menjelaskan, Akta Makanan 1983 hanya menyentuh tentang asap bagi melarang semua yang berbentuk asap seperti rokok, cerut dan sebagainya dihisap di kawasan larangan.

"Kita akan gunakan peraturan kawalan tembakau untuk vape dengan memasukkan satu perkataan

dalam peraturan tersebut iaitu wap. Wap termasuk vape. Jadi dengan perkataan baharu itu, penghisap vape dilarang untuk menghisapnya di 21 kawasan larangan merokok," katanya pada 23 Disember 2015.

Kerajaan Johor pada 2 Disember lalu pula mengharamkan penggunaan vape diikuti Kelantan yang turut mengumumkan tiada lagi penjualan rokok elektronik atau vape di negeri tersebut mulai tahun depan.

Majlis Fatwa Kebangsaan pada 21 Disember 2015 turut mengeluarkan fatwa penggunaan rokok elektronik atau vape haram di sisi Islam.